

**NO. SOALAN : 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL  
AZIZ [RAUB]**

**TARIKH 15 MAC 2016**

**RUJUKAN 8589**

**SOALAN:**

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memantau kemasukan pekerja-pekerja Bangladesh ini. Contohnya adakah mereka dipasangkan dengan alat pengesan elektronik atau mereka diberi kad pengenalan khas; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan bercadang mewujudkan perumahan dan penempatan khas untuk pekerja Bangladesh.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**(a) Jabatan imigresen Malaysia (JIM) akan mengambil beberapa langkah sebagai mekanisme memantau kemasukan pekerja-pekerja Bangladesh seperti berikut:**

- i. Pengambilan dan pengesahan biometrik dengan *Suspect List (SL)* JIM bagi memastikan hanya pekerja yang mempunyai kelulusan keselamatan akan meneruskan ke permohonan pekerja asing;**
- ii. Pemeriksaan kesihatan ke atas bakal pekerja asing ke Malaysia di pusat perubatan berakreditasi di Negara-Negara Sumber dapat dilakukan dan melibatkan proses *Pengesahan Kehadiran & Kelayakan (PKK)*, pendaftaran maklumat biometrik, demografik, maklumat waris, pemeriksaan kesihatan, dan penghantaran maklumat secara atas talian kepada pangkalan data JIM. Ini akan memastikan pekerja yang tiba di Malaysia adalah layak dan bebas dari sebarang penyakit. untuk mengekang kemasukan warga asing yang berisiko ke negara ini.**
- iii. Penyemakan identiti warga asing di pintu masuk negara juga dilakukan melalui Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional**

**(NERS) yang berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warga asing dengan membuat proses pengecaman terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak Jabatan. Di samping itu juga, sistem NERS dapat mengenalpasti ketulenan identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS.**

**iv. Permohonan *Check-Out Memo* (COM) dilakukan secara atas talian untuk pekerja asing yang akan habis tempoh pekerjaan dan ingin pulang ke negara asal. Verifikasi biometrik akan dilakukan di Pintu Keluar untuk pengesahan keluar supaya data keluar-masuk pekerja dapat dikemaskinikan.**

**(b) Berhubung perumahan pekerja adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 19 Januari 2016 telah bersetuju agar Kementerian Sumber Manusia meneliti cadangan penetapan pra-syarat kepada majikan yang ingin mengambil pekerja asing untuk menyediakan penginapan beserta kemudahan asas yang standard kepada pekerja asing. Adalah difahamkan bahawa garis panduan berhubung perkara ini sedang diperincikan dan akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.**